

09 NOV 1998

Moggie-Suruhanjaya

ANGGOTA SURUHANJAYA AKAN DILANTIK SEBELUM AKHIR TAHUN

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie yakin anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan dilantik sebelum hujung tahun ini.

"Pengerusi telah dilantik dan di bawah undang-undang kita perlu melantik tidak lebih daripada empat orang anggota lagi," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan persidangan "Honeywell Southeast Asia User Group 1998" di sini, hari ini.

Beliau berkata, salah seorang daripada anggota suruhanjaya itu akan mewakili kerajaan dan yang lain akan dilantik daripada industri-industri berkaitan.

Moggie berkata, Kementerian baru itu yang sebelum 1 Nov lepas dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, akan memberi keutamaan kepada perlantikan itu.

Penubuhan suruhanjaya itu dan nama baru bagi Kementerian itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Okt lepas.

Kementerian baru itu, antara lain akan merumus strategi jangka panjang industri komunikasi dan multimedia sementara suruhanjaya itu akan berfungsi sebagai pihak berkuasa kawal selia tunggal bagi industri telekomunikasi, penyiaran dan komputer yang saling berhubung kait.

Bekas Pengarah Eksekutif Telekom Malaysia, Dr Syed Hussein Mohamed, dilantik sebagai pengerusi suruhanjaya itu yang diperuntukkan geran permulaan sebanyak RM122 juta.

Dalam ucapannya, Moggie berkata dalam era teknologi maklumat (IT) hari ini, perniagaan-perniagaan mesti berani dan inovatif untuk membolehkan mereka mempunyai kelebihan berbanding yang lain.

Beliau berkata, perubahan-perubahan radikal di dunia hari ini ialah hasil perkembangan teknologi moden, khususnya IT.

Dalam hubungan ini, beliau berkata Malaysia akan mempunyai dua juta pengguna Internet menjelang tahun 2000 sementara barangan dan perkhidmatan bernilai RM600 bilion dijangka dijual-beli melalui urusanniaga elektronik dalam tempoh itu.

Honeywell merupakan syarikat yang beribu pejabat di Amerika yang menyediakan teknologi kawalan bagi bangunan, kediaman, industri, angkasa lepas dan penerbangan. Ia menggajikan 56,500 orang di 95 negara termasuk Malaysia dengan jumlah jualan pada 1997 bernilai AS\$8 bilion.

-- BERNAMA

MAM AHH PR